

22/08/1999

Mengimbau kisah Datuk Onn

Mokhtar Alias

PEMENTASAN teater muzikal Datuk Onn cuba mendedahkan generasi muda supaya mengenali suatu bentuk perjuangan dalam menyatupadukan orang Melayu.

Tokoh seperti Datuk Onn Jaafar dilihat begitu kuat pegangan dan jasanya dalam usaha memperkukuh rumpun Melayu dan hidup bersatu padu bersama kaum lain di negara ini.

"Perpecahan Melayu kesan pemikiran berbeza kebelakangan ini perlu dielak kerana kita tidak mahu apa yang berlaku di beberapa negara jiran, berlaku pula kepada kita," kata pengarah teater itu, Othman Zainuddin.

Datuk Onn bakal dipentaskan di Panggung Negara, Kuala Lumpur, pada 23 dan 24 Ogos ini. Tiket berharga RM20 dan RM30. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyaksikan teater ini.

Sebelum ini, teater muzikal yang sama pernah dipersembahkan di Johor Bahru pada 7 hingga 9 Mei lalu, di Batu Pahat pada 11 hingga 13 Jun. Masing-masing mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi antara penonton ketika dipentaskan di Batu Pahat.

Dua pelakon utama teater muzikal ini ialah penyanyi Man Bai atau nama sebenarnya, Abdul Rahman Osman yang mula mendekati teater bersama pelakon berpengalaman, Jalil Hamid.

Antara barisan pelakon pembantu pula adalah Faiz Alimon, Razif Adnan, Nor Aisyah Salleh, Wahida A Rahman, Hadzleenda Halit, Zulkarnain Jelani, Zulkifli Abd Majid, Suhaidi Sabar, Hussin Ismail dan Zamri Pangat.

Menurut Othman, mereka turut dibantu penggiat teater dari Johor dan karyawan Yayasan Warisan Johor. Ini selaras dengan tujuan pementasan yang antara lain mahu memberi peluang kepada penggiat teater Johor mengadakan persembahan di Kuala Lumpur.

Pementasan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Panggung Negara.

Lebih 30 lagu digubah di bawah pengarah muzik Omar Taib seiring dengan dialog dalam pementasan selama 120 minit ini.

Muzikal Datuk Onn dimulakan dengan penampilan zaman remaja Onn di Singapura yang berlatar belakang pentas joget, panggung bangsawan dan kabaret. Kehidupannya makin tercabar apabila dia dewasa. Onn berkahwin dengan Halimah, balu adiknya yang meninggal dalam usia muda. Perkahwinan membentuk peribadinya, lebih serius dengan tugas sebagai pegawai di bawah pentadbiran Inggeris.

Sifat kepemimpinan dan ketegasan terserlah apabila dia berani mengkritik pegawai atasan dan pihak istana. Sebagai pejuang kebangsaan, Onn pernah bekerja sebagai nelayan di Singapura, wartawan, Menteri Besar, sebelum memegang tampuk perjuangan Umno.

Puncak perjuangannya Datuk Onn ialah menentang rancangan Malayan Union yang dibawa oleh Inggeris.

(END)